



**TEKS UCAPAN ALUAN
KETUA PENGARAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

BERKENAAN

**MAJLIS PENUTUPAN KEJOHANAN SUKAN SEKOLAH
MENENGAH AGAMA MALAYSIA (KESSUMA)
PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE 22 TAHUN 2023**

الحمد لله رب العالمين. والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء

والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

[SALUTASI]

Alhamdulillah dengan limpah kurnia-Nya yang tak terhingga, kita dapat bertemu dalam majlis yang diadakan pada kali ini.

Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa dan Hal Ehwa Orang Asli Negeri Pahang yang sudi hadir bagi menyempurnakan Majlis Penutupan **KEJOHANAN SUKAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA MALAYSIA (KESSUMA) PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE 22 TAHUN 2023.**

Alhamdulillah, Saya sangat bersyukur dengan doa semua, JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Pahang dapat melaksanakan penganjuran program **KESSUMA PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE 22 TAHUN 2023** yang telah berlangsung mulai 4hb hingga 8hb september 2023 bertempat di lapangan Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Islam Antarabangsa Kuantan Pahang. Terima kasih tidak terhingga saya ucapkan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Pahang selaku tuan rumah dan terima kasih juga saya ucapkan kepada Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Islam Antarabangsa Kuantan Pahang atas kerjasama dan kebenaran menggunakan segala kemudahan bagi menjayakan KESSUMA kali ke 22 ini.

Hadirin-hadirat yang dirahmati Allah,

JUMLAH PESERTA/KONTINJEN

KESSUMA penganjurannya sudah sekian lama. Saya pasti, pada kali ini akan lebih meriah dari sebelumnya dengan persaingan antara pasukan negeri-negeri yang bertanding.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Agama Islam Negeri Pahang kerana sudi menjadi tuan rumah dan penyertaan dari 12 buah negeri dengan keseluruhan kontijen melebihi **2300 orang** berkampung di bumi **TOK GAJAH** ini dengan cerianya.

Hadirin-hadirat yang dirahmati Allah,

Program Kokurikulum adalah merupakan program tahunan yang diadakan oleh Jabatan kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Bahagian Pendidikan. Pihak yang terlibat dalam program ini ialah pelajar-pelajar program kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dan pelajar-pelajar dari Sekolah-Sekolah Menengah Agama yang bernaung di bawah Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan (JPPIK) yang dulunya dikenali dengan jawatankuasa penyelarasan Lembaga Penasihat Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) seluruh Negara

Untuk makluman semua, bagi tahun 2023, di cadangkan lima (5) Program Kokurikulum peringkat Kebangsaan ini dilaksanakan secara fizikal. Program-program tersebut adalah:

Pertama Mahrajan Memanah Sekolah Menengah Agama (MESMA) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-4 Tahun 2023 yang sepatutnya diadakan pada 6-9 Ogos 2023 di Universiti Sains Malaysia, Cawangan Kelantan namun program ini terpaksa di tunda ketahun hadapan akibat cuaca panas ketika itu.

Kedua Ihtifal KAFA Kebangsaan (IKK) Kali Ke-8 tahun 2023 pada 25-27 Ogos 2023 di Hotel Ancasa Port Dickson Negeri Sembilan.

Ketiga Majlis Ihtifal Ilmi Sekolah Menengah Agama Malaysia (MIISMAM) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-9 tahun 2023 pada 22-24 September di SMA MAIWP Kuala Lumpur.

Keempat pada hari ini kita telah mengadakan Kejohanan Sukan Sekolah Menengah Agama Malaysia (KESSUMA) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-22 Tahun 2023 pada 4-8 September 2023 di Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Islam Antarabangsa Kuantan Pahang, dan

Kelima Mahrajan Memanah Tradisional (terbuka) kali 2 pada 10-14 November 2023 di SMA MAIWP Kuala Lumpur.

Hadirin-hadirat yang dirahmati Allah,

OBJEKTIF PROGRAM

Pelaksanaan kesemua program ini menelan belanja melebihi RM 1 juta. Peruntukan yang besar ini diharapkan dapat mencapai **objektif program iaitu dapat membina keyakinan diri pelajar ke arah pembentukan kemenjadian yang seimbang dalam bidang akademik dan keperibadian diri, mengasah bakat dan potensi diri dalam menyertai pertandingan disamping membina kemahiran insaniah. Di samping itu pelaksanaan program ini juga perlu diteruskan bagi memastikan**

objektif penting untuk memenuhi keperluan merit sebanyak 17% pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah dan universiti tercapai.

Hadirin-hadirat yang dirahmati Allah,

Selain itu, program ini juga ia bertujuan menyantuni dan mengiktiraf kerjasama strategik antara JAKIM sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam melaksana di peringkat Kebangsaan sebagai lanjutan pertandingan di peringkat negeri.

JAKIM juga ingin menyatakan sepenuh penghargaan kepada Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, Yayasan Agama Islam Negeri, yang sentiasa memberi kerjasama erat dan sumbangan besar dalam menjayakan program seumpamanya ini menjadi kenyataan.

Hadirin-hadirat yang dirahmati Allah,

Islam adalah ajaran yang membawa kepada keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat merentasi segala perbezaan yang ada. Kepelbagaian latar belakang merupakan satu kewajaran dalam menempuh kehidupan secara bersama yang akan memberi implikasi kepada saling melengkapi antara satu sama lain. Keharmonian negara yang terbina pastinya akan membawa kepada cita-cita tertinggi seluruh umat manusia iaitu hidup dalam negara yang sejahtera yang diampuni oleh Allah SWT.

Setiap negara pasti mengharapkan untuk mempunyai rakyat yang mampu menyumbang ke arah kemajuan dan kejayaan serta keamanan. Semua itu dapat dicapai dan diperolehi jika generasinya mempunyai sahsiah diri dan jati diri yang unggul serta cemerlang terutamanya generasi muda sebagai tiang negara. Generasi muda merupakan harta yang berharga serta pewaris kepada kepimpinan negara dan kesinambungan umat masa hadapan, Justeru golongan ini

perlu dididik dan diasuh serta di bina dengan pelbagai program kearah pembentukan jati diri yang sebenar.

Justeru, saya menyeru terutama kepada anak-anak yang terlibat dalam KESSUMA yang di anjurkan ini untuk menjadikan peluang perujian sebagai medan membentuk sahsiah yang sejati serta yang paling penting kita semua ini dapat melahirkan generasi yang mempunyai jati diri dan masa depan yang lebih baik.

Hadirin-hadirat yang dirahmati Allah,

Sedar atau tidak, rakyat negara kita ini hidup dalam komposisi kepelbagaian budaya, bangsa dan agama yang menuntut kepada kecermatan akal fikiran dan berhemah serta tindakan. Kemajmukan yang kita raikan inilah yang menjadi benih yang membugar dalam hati setiap diri kita. Kelangsungan ini merupakan aset yang mesti terus dipertahankan. Justeru, nilai setiap diri kita merupakan komponen penting demi menentukan jatuh, bangun bumi

bertuah ini. Amalan yang tidak berpecah belah dan bermuafakat umpama peribahasa '*serumpun bak serai, sesusun bak sirih*' '*sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk*'.

Inilah antara objektif pelaksanaan program KESSUMA yang antara lainnya menerapkan nilai kesejahteraan dan kemuafakatan serta silaturahim antara kita sebagai sebuah pasukan sekolah agama disamping itu juga KESSUMA dianjurkan sebagai medan melahirkan pelajar-pelajar yang cergas fizikal dan cergas minda serta meningkatkan semangat kesukanan seterusnya melahirkan jaguh-jaguh sukan yang hebat di negara kita.

Hadirin-hadirat yang dirahmati Allah,

Saya menyeru terutama kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam KESSUMA pada hari ini, yang telah berjaya mengharumkan nama ibubapa, penjaga, sekolah dan negeri masing-masing sehingga ke Peringkat Kebangsaan ini untuk

menjadikan peluang pertandingan sebagai medan membentuk jati diri yang sejati, bertandinglah dengan penuh semangat kesukanan, kalah menang itu sememangnya adat pertandingan, tapi yang paling penting kita semua ini dapat melahirkan satu keluarga Malaysia yang mempunyai jati diri dan masa depan yang lebih baik.

Kepada guru-guru pembimbing serta jurulatih, saya mengharapkan agar sentiasa membimbing serta mengilap bakat yang ada pada pelajar-pelajar kita ini, jangan dibiarkan bakat yang ada terpendam begitu sahaja, teruskan usaha semuga pelajar-pelajar ini menjadi manusia yang hebat pada masa akan datang dan mewakili negara di pentas antarabangsa.

Hadirin-hadirat yang dirahmati Allah,

Saya percaya dan yakin, kejayaan dan kegemilangan penganjuran majlis ini adalah impak daripada komitmen padu oleh semua pihak termasuk Majlis Agama dan Jabatan Agama serta semua pihak sama ada secara langsung atau

tidak. Kerjasama semua pihak ini sangat kami hargai kerana ia memberi manfaat dan kebaikan yang cukup besar kepada masyarakat di negara ini. Sekali lagi **sekalung tahniah kepada pihak penganjur, Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Pahang selaku tuan rumah di atas penganjuran KESSUMA ke 22 ini. Tidak lupa juga kepada pihak Universiti Malaysia Pahang dan Universiti Islam Antarabangsa Kuantan Pahang atas kerjasama serta membenarkan para atlet KESSUMA pada kali ini menggunakan segala kemudahan di sini.**

Semoga segala usaha yang dilakukan ini sentiasa mendapat rahmat dan keberkatan daripadanya. Semoga usaha murni ini sentiasa mendapat sambutan dari semua rakyat tanpa mengira agama atau bangsa.

Sekian, *wassalam*